Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2018

13 Tinjauan Keseluruhan
15 Risiko Kredit
25 Risiko Pasaran
27 Risiko Mudah Tunai dan Pendanaan
30 Risiko Penularan
31 Daya Tahan dan Prestasi Sektor Perbankan
33 Daya Tahan dan Prestasi Sektor Insurans dan Takaful
35 Ujian Tekanan Kesolvenan Berbilang Tahun untuk Bank dan Penanggung Insurans

Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2018

TINJAUAN KESELURUHAN

Kestabilan kewangan domestik terus terpelihara pada tahun 2018, disokong oleh pasaran kewangan yang teratur dan institusi kewangan yang berdaya tahan. Pasaran kewangan domestik mengalami volatiliti yang lebih tinggi disebabkan oleh faktor luaran dan domestik. Kadar pengembalian dasar monetari di Amerika Syarikat (AS) ke tahap yang wajar, ketegangan perdagangan global yang semakin meruncing, kebimbangan geopolitik yang semakin meningkat dan ketidaktentuan harga minyak global merupakan teras utama yang mempengaruhi perilaku para pelabur hampir sepanjang tahun 2018, dengan sebahagian besar ekonomi pasaran sedang pesat membangun (*emerging market economies*, EMEs), termasuk Malaysia, mengalami aliran keluar portfolio bersih. Ketidakpastian berhubung dengan dasar sejurus selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) juga memberikan kesan yang besar kepada sentimen pelabur. Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur, disokong oleh pelabur institusi domestik yang teguh, termasuk institusi kewangan. Khususnya, institusi kewangan kekal berdaya tahan dengan keberuntungan yang kukuh serta penampan modal dan mudah tunai yang mantap. Kualiti aset terus bertambah baik. Keadaan mudah tunai dan pendanaan juga kekal kondusif untuk aktiviti pengantaraan kewangan. Faktor-faktor ini telah menyumbang kepada keyakinan orang ramai yang berterusan terhadap sistem kewangan Malaysia.

Kestabilan kewangan domestik kekal mampan dan disokong dengan baik oleh keteguhan institusi dan keadaan pasaran kewangan yang teratur

Jawatankuasa Kestabilan Kewangan (*Financial Stability Committee*, FSC) Bank telah bermesyuarat sebanyak empat kali pada tahun 2018. FSC mengambil maklum bahawa risiko kestabilan kewangan domestik adalah terkawal (Gambar Rajah 1.1), namun kekal berwaspada terhadap tahap hutang domestik yang tinggi dan ketidakseimbangan dalam pasaran harta tanah yang masih berpotensi menjadi punca kelemahan. Risiko terhadap kestabilan kewangan daripada hutang isi rumah dan syarikat korporat bukan kewangan sebahagian besarnya telah dikurangkan oleh keupayaan peminjam membayar balik hutang yang mampan secara keseluruhan serta amalan pengunderaitan kredit dan pengurusan risiko institusi kewangan yang berhemat. Di samping itu, langkah-langkah termasuk polisi kehematan makro yang dilaksanakan sejak tahun 2010 juga telah membawa kepada pengumpulan hutang isi rumah agregat yang lebih mampan. Namun, beberapa kelemahan masih wujud dalam kalangan peminjam berpendapatan rendah yang lebih terdedah kepada kejutan negatif memandangkan penampan kewangan mereka yang rendah. Walau bagaimanapun, bahagian mereka dalam peminjaman isi rumah terus menurun dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Meskipun sektor perniagaan mempunyai tahap leveraj yang lebih tinggi dalam keadaan perolehan yang lebih lemah, keupayaan mereka membayar balik hutang secara keseluruhan kekal kukuh berbanding dengan tahap ambang kehematan. Keadaan perniagaan dalam sektor minyak dan gas (*oil and gas*, O&G), harta tanah dan pembinaan dijangka terus mencabar. Walau bagaimanapun, dedahan langsung institusi kewangan kepada firma dalam sektor-sektor ini adalah rendah. Bagi sektor harta tanah, jangkaan penyesuaian yang terus teratur terhadap ketidakpadanan dalam permintaan dan penawaran perumahan akan mengurangkan risiko kesan limpahan yang lebih meluas kepada sistem kewangan. Yang nyata, bank terus mengekalkan penampan kewangan yang kukuh untuk menghadapi kemungkinan kerugian yang berpunca daripada isi rumah, perniagaan dan pasaran harta tanah, termasuk di bawah senario tekanan yang teruk.

Gambar Rajah 1.1: Prospek Risiko Terhadap Kestabilan Kewangan Domestik

Bidang Risiko	Sektor	Prospek Risiko	Haluan Risiko (2019 berbanding 2018)
Risiko kredit	Isi rumah	• Risiko dijangka berterusan dalam kalangan peminjam yang mempunyai beban hutang yang tinggi dan yang telah mengambil pinjaman untuk membeli harta tanah yang bernilai lebih tinggi dan untuk pembiayaan peribadi. Peminjam yang tidak berpendapatan tetap dan mereka yang berpendapatan lebih rendah serta tinggal di kawasan bandar juga mungkin berhadapan dengan cabaran yang lebih besar untuk membayar balik hutang. • Inisiatif Kerajaan dijangka mengurangkan sebahagian tekanan kos sara hidup sementara prospek pendapatan dan guna tenaga yang stabil serta amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab akan terus menyokong keupayaan membayar balik hutang isi rumah secara keseluruhan.	⇔
	Pasaran harta tanah	• Paras unit rumah yang tidak terjual mungkin akan meningkat dalam jangka pendek memandangkan keadaan pasaran yang terus lemah dengan isu mampu milik yang berlarutan. • Walau bagaimanapun, pelarasan harga rumah dijangka teratur memandangkan permintaan yang terus kukuh terhadap rumah mampu milik dan perumahan oleh pemilik-penghuni, pemberian pinjaman yang berterusan oleh bank dan dasar Kerajaan yang bertujuan melaraskan permintaan dan penawaran perumahan dengan lebih baik. • Risiko dijangka kekal tinggi dalam segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah memandangkan terdapat bekalan baharu yang banyak. Bekalan yang kekal tinggi akan meningkatkan risiko pada masa hadapan.	⇔
	Syarikat korporat bukan kewangan	• Keadaan perniagaan mungkin kekal mencabar dalam sektor O&G, harta tanah dan pembinaan. • Volatiliti harga minyak dunia boleh memberikan kesan buruk kepada pendapatan dan pelaburan dalam sektor O&G tetapi pemulihan secara beransur-ansur daripada gangguan bekalan baru-baru ini akan sedikit sebanyak memberi sokongan kepada entiti perniagaan. • Pemaju harta tanah mungkin akan terus mencatat prestasi jualan yang lembap dalam keadaan pasaran harta tanah yang lemah. • Perniagaan pada amnya mempunyai penampan kewangan yang kukuh. Namun begitu, ketidakpastian akibat perang perdagangan yang berlarutan boleh memberikan kesan kepada perniagaan secara meluas. Hal ini akan menyebabkan keuntungan dan pelaburan yang lebih rendah, dan boleh mengurangkan penampan ini.	⇔
Risiko pasaran		• Pengembalian dasar monetari AS ke paras yang wajar, ketegangan perdagangan yang semakin meruncing dan risiko geopolitik yang semakin meningkat mungkin mencetus aliran keluar bukan pemastautin dari rantau ini dan seterusnya meningkatkan tekanan terhadap kadar hasil dan mengurangkan mudah tunai pasaran. Kehadiran pelabur institusi domestik yang kukuh, termasuk institusi kewangan dijangka akan terus memberi sokongan dan mudah tunai kepada pasaran kewangan domestik didorong oleh penilaian yang menguntungkan.	⇔
Risiko mudah tunai dan pendanaan		• Aliran keluar yang berterusan dan berpanjangan boleh mengurangkan mudah tunai keseluruhan ke tahap yang boleh menyebabkan pasaran menjadi tidak bersepadu dan meningkatkan kos pendanaan. • Bank-bank dijangka terus berdaya tahan menghadapi kejutan pendanaan, disokong oleh penampan mudah tunai yang mencukupi dan perkembangan yang berterusan dalam pengumpulan sumber pendanaan jangka lebih panjang yang stabil.	⇔
Risiko penularan		• Risiko penularan daripada institusi kewangan bukan bank (IKBB) kepada sistem kewangan dijangka kekal rendah. Langkah-langkah untuk memperkukuh tadbir urus dan pengurusan beberapa IKBB akan menyokong penambahbaikan prestasi dan daya tahan yang lebih tinggi terhadap perubahan keadaan pasaran kewangan pada masa hadapan.	⇔

⇔ Stabil ↑ Meningkat ↓ Menurun

Nota: Bahagian berwarna ungu menunjukkan tahap risiko semasa adalah tinggi.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Walaupun jangkaan pasaran terhadap keadaan kewangan global yang lebih ketat kelihatan telah reda sedikit menjelang tahun 2019, kewaspadaan yang tinggi terhadap kadar dan tahap pengumpulan hutang serta amalan pengambilan risiko adalah wajar untuk mencegah peningkatan kelemahan yang boleh mendedahkan sistem kewangan kepada risiko pada masa hadapan. Oleh itu, FSC terus berpendapat bahawa langkah-langkah kehematan sedia ada adalah bersesuaian untuk menguruskan risiko ini dan memastikan aktiviti pengantaraan kewangan terus mampan bagi menyokong ekonomi. Institusi kewangan yang kukuh dan berdaya tahan kekal menjadi asas kekuatan yang menyokong kestabilan kewangan domestik.

RISIKO KREDIT

Hutang Isi Rumah Terus Berkembang pada Kadar yang Lebih Perlahan

Pada tahun 2018, pertumbuhan hutang isi rumah terus perlahan pada 4.7%[1] (Rajah 1.1), didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam pinjaman yang diberikan oleh institusi kewangan bukan bank (IKBB). Sebagai sebahagian daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), jumlah hutang isi rumah menurun kepada 83% pada akhir tahun 2018 (Rajah 1.2). Pinjaman harta kediaman kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan hutang isi rumah (Rajah 1.3) meskipun pemberian pinjaman telah menjadi lebih terhad disebabkan oleh kemampuan untuk memiliki rumah yang berkurangan, terutamanya dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah hingga sederhana. Sementara itu, pinjaman untuk pembelian sekuriti[2] mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, disokong oleh prestasi dana ASNB yang terus menawarkan pulangan yang menguntungkan. Pada masa yang sama, sesetengah bank juga menyeimbangkan semula dedahan mereka ke arah pemberian pinjaman yang lebih terjamin, dengan lebih banyak bank menawarkan kemudahan pembiayaan ASNB. Pertumbuhan pinjaman untuk penggunaan[3] menunjukkan trend yang menurun menjelang akhir tahun 2018 apabila permintaan untuk sewa beli dan pinjaman peribadi yang lebih tinggi semasa tempoh pelepasan cukai selama tiga bulan dari bulan Jun hingga Ogos semakin berkurang dengan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (*Sales and Services Tax*, SST) pada bulan September.

Secara agregat, isi rumah terus berupaya untuk mengurus pembayaran balik hutang mereka, disokong oleh pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga. Nisbah aset isi rumah kepada hutang terus tinggi pada tahap empat kali. Aset kewangan isi rumah berkembang pada kadar yang lebih perlahan pada tahun 2018 tetapi terus mengatasi kadar pertumbuhan hutang (Rajah 1.4). Pengembangan aset kewangan yang lebih perlahan ini mencerminkan penilaian pemegangan ekuiti dan dana unit amanah yang lebih rendah, dalam keadaan prestasi pasaran ekuiti yang lebih lemah pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, isi rumah terus mengekalkan tahap aset kewangan dan aset kewangan mudah tunai (*liquid financial assets*, LFA) yang selesa, masing-masing pada 2.1 kali dan 1.4 kali hutang. Kira-kira dua pertiga daripada aset kewangan isi rumah ialah aset mudah tunai, kebanyakannya dalam bentuk deposit dan dana unit amanah, yang memberikan mereka akses kepada dana yang telah tersedia untuk memenuhi obligasi hutang dan membuat penyesuaian terhadap perubahan yang tidak dijangka dalam keadaan kewangan mereka. Walau bagaimanapun, kedudukan individu yang berpendapatan kurang RM3,000 sebulan masih lemah disebabkan oleh penampan kewangan mereka yang rendah. Dengan perlindungan LFA kurang satu kali (0.6 kali) daripada hutang terkumpul, peminjam dalam kumpulan ini menghadapi risiko yang lebih tinggi untuk gagal membayar balik pinjaman mereka sekiranya berlaku kejutan pendapatan. Susulan pelaksanaan piawaian bagi pemberian pinjaman yang bertanggungjawab (*responsible lending standards*) oleh bank, bahagian peminjam isi rumah yang lemah terus menurun dalam beberapa tahun ini (Rajah 1.5). Di samping itu, inisiatif Kerajaan untuk meringankan tekanan kos sara hidup, seperti gaji minimum yang lebih tinggi, harga siling bagi bahan api runcit dan pemberian tunai melalui Bantuan Sara Hidup akan memberikan sedikit sokongan kepada isi rumah berpendapatan lebih rendah.

Walaupun hutang isi rumah kekal tinggi, risiko kepada kestabilan kewangan telah dikurangkan. Langkah-langkah kehematan makro semasa yang

[1] Pinjaman yang diberikan oleh bank, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan IKBB utama.
[2] Kira-kira 85% daripada pinjaman sekuriti terkumpul adalah untuk pembelian unit Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang sebahagian besarnya adalah pada harga tetap.
[3] Terutamanya kenderaan bermotor, kad kredit dan pembiayaan peribadi.

Rajah 1.1: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Tahunan Hutang

Pertumbuhan hutang isi rumah terus sederhana...



Rajah 1.2: Sektor Isi Rumah – Nisbah Utama

...dengan nisbah hutang kepada KDNK semakin menurun



Rajah 1.3: Sektor Isi Rumah – Sumbangan kepada Pertumbuhan Hutang

Pertumbuhan hutang yang lebih perlahan didorong terutamanya oleh pertumbuhan pinjaman yang sederhana untuk pembelian harta kediaman dan kenderaan bermotor



Rajah 1.4: Sektor Isi Rumah – Hutang dan Aset Kewangan

Pertumbuhan aset kewangan terus mengatasi pertumbuhan hutang



Rajah 1.5: Sektor Isi Rumah – Hutang Mengikut Kumpulan Pendapatan Bulanan

Bahagian peminjaman bagi peminjam yang mudah terjejas semakin menurun



Rajah 1.6: Sektor Isi Rumah – Potensi Kerugian kepada Bank Sebelum dan Selepas Kejutan

Potensi kerugian kekal dalam lingkungan lebihan penampan modal bank



* Harta kediaman, harta bukan kediaman dan sekuriti
** Terutamanya kenderaan bermotor, pembiayaan peribadi dan kad kredit

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

dilaksanakan sejak tahun 2010 telah mendorong kadar pertumbuhan hutang isi rumah yang lebih mampan, dengan hutang dalam tempoh baru-baru ini berkembang lebih seiring dengan pendapatan. Kira-kira dua pertiga daripada peminjaman isi rumah dicagarkan kepada harta tanah atau sekuriti, lantas mengurangkan dedahan bersih institusi kewangan kepada isi rumah dengan ketara. Bank-bank juga kekal mematuhi amalan pemberian pinjaman dan pengurusan risiko yang berhemat, dengan melaksanakan penilaian kemampuan pinjaman untuk mengelakkan peningkatan hutang isi rumah yang berlebihan. Nisbah khidmat hutang[4] (*debt service ratio*, DSR) bagi sebahagian besar (70%) daripada pinjaman yang baharu diluluskan kekal di bawah 60%.

Kualiti hutang isi rumah kekal utuh, dengan risiko sebahagian besarnya terhad kepada pinjaman untuk pembelian harta tanah bernilai tinggi dan pembiayaan peribadi

Secara keseluruhan, kualiti pemberian pinjaman oleh bank dan bukan bank kepada isi rumah kekal kukuh dengan agregat nisbah pinjaman terjejas bertambah baik kepada 1.2%, dan agregat nisbah delinkuensi yang kekal rendah dan stabil (1.2%). Walau bagaimanapun, beberapa risiko masih wujud. Peminjam yang terdahulu membuat pinjaman perumahan untuk pembelian harta tanah bernilai melebihi RM500,000 dan menghadapi ketidaktentuan pendapatan yang lebih besar menunjukkan tanda-tanda kesukaran untuk membayar balik hutang mereka. Kejadian mungkir yang lebih tinggi dalam pembiayaan peribadi masih juga berlaku dalam kalangan peminjam yang berpendapatan kurang RM5,000 sebulan, dan dalam kalangan individu yang tinggal di kawasan bandar dengan kos sara hidup yang secara relatif lebih tinggi (rujuk 'Pemahaman Mengenai Trend dan Penggunaan Pembiayaan Peribadi'). Hal ini sejajar dengan data daripada Program Pengurusan Hutang (*Debt Management Programme*, DMP) oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang menunjukkan bahawa bahagian peminjam dalam segmen ini daripada keseluruhan peserta DMP telah meningkat sejak tahun 2017. Peminjam sedemikian mencakupi kira-kira 80% daripada peserta DMP dan didapati mereka lazimnya terlalu optimistik

Pemahaman Mengenai Trend dan Penggunaan Pembiayaan Peribadi

Pertumbuhan dalam pembiayaan peribadi, yang mendorong peningkatan pantas dalam hutang isi rumah sebelum ini telah berkurang dengan ketara berikutan pelaksanaan pelbagai langkah[1] sejak tahun 2012 [2018: 2.3%; 2017: 2.8%; 2008: 25.2% (paras tertinggi)]. Pertumbuhan yang sederhana ini dipacu terutamanya oleh IKBB, yang mencakupi lebih 40% daripada jumlah pembiayaan peribadi. Akibatnya, bahagian pembiayaan peribadi kepada jumlah hutang isi rumah telah menurun kepada 14.5% pada akhir tahun 2018 [2013: 16.4% (paras tertinggi)]. Walaupun risiko kepada kestabilan kewangan daripada dedahan pembiayaan peribadi adalah terhad disebabkan oleh tahap hutang berisiko[2] (*debt-at-risk*) yang rendah (2.7% daripada jumlah hutang isi rumah), kejadian mungkir dalam pembiayaan peribadi yang semakin meningkat dan kenaikan mendadak dalam bahagian peminjam muflis dengan pembiayaan peribadi dari tahun 2010, mewajarkan sikap terus berjaga-jaga (Rajah 1.7). Satu kaji selidik[3] yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia terhadap bank dan peminjam yang mendapatkan bantuan daripada AKPK memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang profil dan penggunaan pembiayaan peribadi oleh peminjam, termasuk peminjam yang bermasalah.

Kira-kira separuh daripada jumlah terkumpul pembiayaan peribadi terdiri daripada peminjam berpendapatan kurang RM5,000 sebulan. Bahagian pembiayaan peribadi kepada jumlah peminjaman mereka berada pada 26.6%, hampir dua kali peminjam biasa (14.5%). Pembiayaan peribadi digunakan terutamanya untuk tujuan penggunaan (Rajah 1.8). Yang nyata, lebih satu pertiga daripada pembiayaan peribadi adalah untuk perbelanjaan penggunaan bukan keperluan

[1] Garis Panduan Pembiayaan Bertanggungjawab (kemudiannya diterbitkan semula sebagai Dokumen Dasar pada tahun 2013) dan Dokumen Dasar Mengenai Pembiayaan Peribadi, masing-masing dilaksanakan pada tahun 2012 dan 2013.
[2] Bahagian hutang pembiayaan peribadi yang ditanggung oleh peminjam dengan margin kewangan negatif kepada jumlah hutang isi rumah.
[3] Kaji selidik ini terdiri daripada dua bahagian – (i) pinjaman terkumpul yang diberikan oleh pemberi pinjaman utama untuk pembiayaan peribadi, dan (ii) peminjam bermasalah yang mempunyai pembiayaan peribadi yang menghubungi AKPK dalam tempoh satu bulan pada bulan September 2018.

[4] Nisbah jumlah obligasi hutang bulanan bank dan bukan bank kepada pendapatan boleh guna bulanan (bersih daripada potongan statutori).

(*discretionary consumption expenditure*) untuk menyokong pilihan gaya hidup, termasuk pembelian barangan tahan lama dan perbelanjaan untuk majlis perkahwinan dan musim perayaan. Hal yang sama berlaku dalam kalangan peminjam yang bermasalah (Rajah 1.9), yang menunjukkan perilaku berbelanja melebihi kemampuan yang berterusan (rujuk maklumat tambahan yang diberikan dalam 'Kaji Selidik Rangkuman dan Keupayaan Kewangan Dari Segi Permintaan 2018' dalam Bab 4). Bahagian pembiayaan peribadi yang agak besar (15%) juga digunakan untuk penggunaan keperluan yang termasuk perbelanjaan yang berkaitan kecemasan dan perubatan, kebanyakannya oleh peminjam berpendapatan RM10,000 dan ke bawah dan tinggal di kawasan pusat bandar. Peminjam-peminjam ini sangat sukar untuk menampung kos sara hidup dan perbelanjaan tidak dijangka disebabkan perancangan kewangan yang lemah.

Rajah 1.7: Kes Muflis Mengikut Tujuan

Bahagian pembiayaan peribadi dalam kalangan peminjam yang muflis adalah ketara dan semakin meningkat



* Kes muflis yang disebabkan oleh bukan peminjaman (contoh: penjamin dan kegagalan membayar cukai)

Sumber: Jabatan Insolvensi Malaysia

Hampir separuh daripada pembiayaan peribadi digunakan untuk mengumpul aset, terutamanya untuk membuat pembayaran pendahuluan bagi pembelian rumah dan untuk tujuan perniagaan. Yang nyata, dalam kalangan peminjam yang bermasalah yang mempunyai pembiayaan peribadi, peminjaman itu sebahagian besarnya digunakan untuk pengubahsuaian rumah. Memandangkan peningkatan nilai rumah daripada perbelanjaan tersebut tidak selalunya sepadan dengan jumlah yang dibelanjakan untuk pengubahsuaian, peminjam yang mempunyai hutang yang tinggi mungkin mendapati diri mereka berada dalam kedudukan ekuiti negatif dengan beban hutang yang tidak mampu dibayar oleh mereka.

Walaupun kejadian mungkir bagi pembiayaan peribadi telah meningkat, tahapnya kekal rendah pada 0.2% daripada jumlah hutang isi rumah pada akhir tahun 2018. Mencerminkan amalan pengunderaitan yang lebih kukuh oleh bank dan IKBB, pembiayaan peribadi baharu yang diluluskan telah menunjukkan tahap DSR di bawah 60% dengan penambahbaikan dalam kadar mungkir vintaj untuk pembiayaan peribadi pada tahun-tahun kebelakangan ini.

Rajah 1.8: Pembiayaan Peribadi Terkumpul Mengikut Kegunaan

Sebahagian besar pembiayaan peribadi digunakan untuk perbelanjaan bukan keperluan bagi menyokong gaya hidup...



* Termasuk pembiayaan peribadi yang digunakan untuk membeli kenderaan bermotor

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.9: Komposisi Pelanggan AKPK yang Mempunyai Pembiayaan Peribadi Mengikut Kegunaan dan Kumpulan Pendapatan Bulanan

...dengan trend yang sama diperhatikan dalam kalangan peminjam yang bermasalah, terutamanya peminjam berpendapatan kurang RM5,000 sebulan



Nota: (..%) menandakan bahagian daripada jumlah respons mengikut kumpulan pendapatan

Sumber: Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Jadual 1.1

Andaian Kejutan dan Keputusan Analisis Sensitiviti ke atas Hutang Isi Rumah

Senario		Parameter (Magnitud)	Bahagian peminjam dengan margin kewangan negatif (%)	Potensi kerugian kepada sistem perbankan (RM bilion)
Dasar			6.4	60.3
Kejutan	**Pendapatan**	Jumlah pendapatan merosot[1] (↓ 10%)	12.0	107.8
	Kos sara hidup	Perbelanjaan keperluan asas meningkat[2] (↑ 20%)	9.9	85.5
	Kos peminjaman	Kos peminjaman lebih tinggi[3] (↑ 50 mata asas)	7.4	68.8

Nota:
[1] Lebih besar daripada penurunan pendapatan boleh guna isi rumah agregat sebanyak 8.7% semasa Krisis Kewangan Asia pada tahun 1998.
[2] Hampir tiga kali kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (*compound annual growth rate*, CAGR) 2009 – 2016 sebanyak 7.3% bagi perbelanjaan untuk keperluan asas.
[3] Berdasarkan kenaikan kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berikutan dua kenaikan Kadar Dasar Semalaman secara berturut-turut pada tahun 2006.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan *Oxford Economics*.

terhadap kemampuan untuk menanggung kos sara hidup yang lebih tinggi dan obligasi hutang disebabkan oleh perancangan kewangan yang lemah. Perkembangan ini menekankan kesesuaian langkah-langkah kehematan makro yang sedia ada untuk mengukuhkan daya tahan isi rumah.

Bank-bank dijangka kekal berdaya tahan terhadap potensi kerugian daripada pemberian pinjaman kepada isi rumah bawah senario tekanan. Berdasarkan analisis sensitiviti yang mensimulasikan impak kejutan kepada pendapatan, kos sara hidup dan kos peminjaman ke atas margin kewangan (*financial margin*) peminjam,[5,6] potensi kerugian kepada sistem perbankan daripada peminjam yang mempunyai margin kewangan negatif dijangka kekal berada dalam penampan modal lebihan bank yang berjumlah RM143.1 bilion pada akhir tahun 2018 (Jadual 1.1). Kejutan terhadap pendapatan akan memberikan kesan yang paling besar dalam meningkatkan bahagian peminjam yang mempunyai margin kewangan negatif dan kerugian kredit yang berkaitan kepada bank (Rajah 1.6).

[5] Sila rujuk Rencana dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2017 bertajuk 'Dibelenggu Hutang: Penilaian Terhadap Tahap Hutang dan Penampan Kewangan Isi Rumah' untuk butiran mengenai metodologi margin kewangan.
[6] Kejutan dikenakan secara berasingan dan disesuaikan kepada parameter yang lebih teruk daripada yang pernah diperhatikan sebelum ini. Analisis ini tidak mengambil kira kejutan yang berlaku secara serentak kerana kemungkinan hal ini berlaku dinilai sebagai sangat rendah.

Pertumbuhan Harga Rumah Terus Sederhana, Manakala Keadaan Lebihan Bekalan Berlanjutan dalam Pasaran Harta Bukan Kediaman

Harga rumah[7] terus meningkat dengan lebih sederhana pada separuh pertama tahun 2018 pada 4% dengan data awalan bagi suku ketiga tahun 2018 menunjukkan penurunan selanjutnya kepada 1.1%. Pertumbuhan harga rumah yang semakin perlahan mencerminkan permintaan yang semakin lemah terhadap harta tanah dalam segmen berharga lebih tinggi yang masih di luar kemampuan kebanyakan pembeli dan aktiviti yang lembap dalam pasaran perumahan sepanjang enam tahun lepas. Keadaan ini menyumbang kepada pelarasan bekalan perumahan ke arah segmen yang lebih mampu milik sepanjang dua tahun yang lepas dengan lebih banyak pelancaran perumahan baharu yang menyasarkan harta tanah berharga di bawah RM500,000. Walaupun pelancaran perumahan baharu berkurang dalam tempoh sembilan bulan pertama, aktiviti dalam segmen ini yang lebih giat di beberapa negeri utama[8] menyokong pertumbuhan kecil dalam jumlah jual beli rumah. Walau bagaimanapun, rumah pada paras harga ini masih tidak mampu dimiliki di negeri-negeri lain. Hal ini menyebabkan stok unit perumahan yang tidak

[7] Diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM).
[8] Merujuk kepada Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

terjual[9] meningkat 22.5% dalam tempoh sembilan bulan sehingga bulan September 2018. Walaupun begitu, penurunan yang besar dan meluas dalam harga rumah yang boleh meningkatkan risiko pembetulan yang tidak teratur dalam pasaran perumahan dijangka tidak berlaku atas beberapa sebab. Perkembangan harga rumah secara umum didorong terutamanya oleh jual beli harta kediaman bertanah (76% daripada wajaran IHRM) yang terus menerima permintaan yang kukuh.[10] Permintaan terhadap perumahan juga dijangka terus teguh, disokong oleh pendapatan yang terus meningkat dan pembentukan isi rumah baharu yang berterusan.

Kemampuan memiliki rumah masih menjadi isu dalam pasaran harta kediaman, manakala bekalan ruang pejabat dan ruang runcit yang berlebihan terus wujud dalam pasaran harta bukan kediaman

Rumah yang berharga lebih RM250,000 terus membentuk sebahagian besar pelancaran baharu dan jumlah rumah yang tidak terjual, seterusnya meningkatkan ketidakpadanan antara bekalan dengan permintaan perumahan di sesetengah lokasi. Walaupun Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah[11] untuk menangani ketidakpadanan struktur ini, usaha penyelarasan bersama yang lebih rapat dengan sektor swasta adalah penting untuk mendorong peralihan yang lancar ke arah pasaran perumahan yang lebih mampan, di samping mengurangkan secara beransur-ansur paras harta tanah yang tidak terjual. Memandangkan permintaan terhadap rumah mampu milik yang kukuh dan masih melebihi bekalan baharu dalam masa terdekat, ditambah pula dengan langkah-langkah untuk meningkatkan kemampuan pembiayaan, prospek pasaran perumahan dijangka akan bertambah baik secara beransur-ansur, berserta dengan penjajaran yang lebih baik antara keadaan permintaan dengan bekalan.

Dalam segmen harta bukan kediaman,[12] aktiviti pasaran adalah lembap pada tempoh sembilan bulan pertama tahun 2018. Segmen komersial yang terdiri daripada kedai serta ruang pejabat dan kompleks beli-belah (*office space and shopping complexes*, OSSC), mencatatkan jumlah dan nilai urus niaga yang lebih tinggi, terutamanya bagi harta tanah yang berharga lebih RM500,000. Sementara itu, urus niaga yang lebih tinggi dalam segmen industri didorong terutamanya oleh harta tanah yang berharga RM1 juta dan ke atas.

Meskipun terdapat peningkatan dalam aktiviti pasaran dalam segmen komersial, bekalan baharu yang banyak bagi ruang pejabat yang baharu dan dirancang di Lembah Klang dan ruang runcit di seluruh negara dijangka memburukkan lagi keadaan lebihan bekalan yang sedia ada. Keadaan ini berlaku meskipun kadar kelulusan pinjaman bagi pembinaan OSSC menurun kepada 73.1% (2017: 79.7%). Masih terdapat risiko bahawa ruang komersial tambahan ini tetap tidak akan diserap, berikutan kemerosotan kadar kekosongan walaupun pada paras bekalan semasa serta potensi cabaran terhadap ekonomi dalam negeri. Memandangkan kadar sewa purata bagi ruang pejabat di Lembah Klang terus tertekan, risiko harga harta tanah menurun dengan ketara tetap tinggi. Pemilik bangunan masih menawarkan banyak insentif untuk meningkatkan permintaan sewaan, termasuk pelepasan sewa dan diskaun kepada harga sewa yang diminta. Dorongan sedemikian berkemungkinan menyebabkan kadar sewa efektif terus tertekan.

Meskipun paras harta tanah yang tidak terjual meningkat, pembeli rumah kali pertama yang layak terus mendapat akses kepada pembiayaan rumah

Pada tahun 2018, jumlah dedahan[13] institusi kewangan kepada pasaran harta tanah dalam negeri (RM901.3 bilion, Rajah 1.10) meningkat pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 5.9% (2017: 7.1%). Hal ini sejajar

[9] Merujuk harta tanah tidak terjual yang telah siap (lebihan) dan harta tanah tidak terjual yang masih dalam pembinaan. Harta tanah ini merangkumi semua harta kediaman serta pangsapuri berperkhidmatan dan pejabat kecil / pejabat rumah (*small office home office*, SOHO). (Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara).

[10] Bahagian harta kediaman bertanah yang tidak terjual terus menurun daripada 46% pada suku pertama tahun 2015 kepada 33% pada suku ketiga tahun 2018.

[11] Usaha termasuk pewujudan pihak berkuasa tunggal untuk perumahan mampu milik, penggabungan pangkalan data permintaan dan bekalan bagi tujuan perancangan, penggunaan teknologi pembinaan yang lebih canggih dan cekap dari segi kos, serta pembangunan pasaran sewaan. Langkah-langkah untuk menggalakkan pemilikan rumah dan mengurangkan bilangan unit perumahan yang tidak terjual turut diumumkan dalam Bajet 2019 yang disasarkan khusus pada usaha meningkatkan kemampuan pembeli rumah kali pertama, isi rumah berpendapatan lebih rendah dan penjawat awam.

[12] Terdiri daripada ruang pejabat, kompleks beli-belah, kedai, hotel, tanah dan kilang.

[13] Jumlah ini termasuk dedahan bank, IKP, penanggung insurans dan pengendali takaful.

dengan keupayaan memiliki rumah yang semakin berkurang dan risiko berkaitan dengan lebihan bekalan yang tinggi dalam pasaran harta bukan kediaman. Pembiayaan akhir (*end-financing*) bagi harta kediaman masih lagi merupakan penyumbang terbesar pertumbuhan (Rajah 1.11). Selaras dengan kemampuan memiliki rumah yang lebih rendah, kebanyakan permohonan pinjaman adalah tertumpu terutamanya kepada pembelian rumah berharga bawah RM500,000. Pembeli rumah kali pertama kekal mencakupi sebahagian besar (69%) daripada jumlah peminjam pinjaman harta kediaman. Aktiviti spekulasi juga kekal rendah (Rajah 1.12).

Kadar kelulusan pinjaman keseluruhan menurun sedikit pada 71.3% (Rajah 1.13). Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Bank, sebab utama penolakan pinjaman ialah pemohon sudah terlalu banyak hutang atau mempunyai pendapatan yang tidak mencukupi untuk membayar balik pinjaman yang dijadualkan, walaupun prospek kenaikan kadar faedah pada masa hadapan tidak diambil kira.

Pertumbuhan pembiayaan bank kepada segmen harta bukan kediaman stabil pada 2% pada tahun 2018, sebahagian besarnya didorong oleh pembiayaan akhir untuk membeli kedai. Walaupun pembiayaan akhir untuk pembelian OSSC masih meningkat, bank secara amnya mengambil sikap berhati-hati ketika memberi pinjaman kepada segmen ini. Sama seperti pinjaman untuk pembinaan OSSC, kadar kelulusan pinjaman yang lebih rendah dicatatkan untuk pembelian OSSC, iaitu pada 66.7% (2017: 76.8%).

Rajah 1.10: Pasaran Harta Tanah – Dedahan Institusi Kewangan Terhadap Pasaran Harta Tanah

Kebanyakan dedahan institusi kewangan adalah berkaitan dengan pembiayaan akhir untuk membeli harta kediaman dan bukan kediaman



[1] Tidak termasuk MBSB Bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko daripada sektor harta tanah terus terkawal dengan kualiti pemberian pinjaman yang utuh

Secara keseluruhan, kualiti pinjaman bank bagi pembelian harta kediaman dan bukan kediaman kekal kukuh, disokong oleh amalan pengunderaitan dan penilaian yang berhemat. Secara agregat, nisbah jejas nilai dan delinkuensi bagi pinjaman sedemikian kekal rendah (Rajah 1.14) dan kadar mungkir vintaj terus menurun dalam beberapa tahun kebelakangan ini (Rajah 1.15 dan 1.16). Sejajar dengan piawaian pengurusan risiko kredit yang dipertingkat, bank membuat penilaian yang lebih mantap terhadap daya maju projek pembangunan harta tanah. Hal ini termasuk memberikan lebih pertimbangan terhadap faktor-faktor khusus buat sesuatu lokasi dalam penilaian kredit mereka, seperti kesan pembangunan baharu terhadap harta tanah di kawasan sekitar.

Dalam keadaan pasaran yang lembap, prestasi perolehan pemaju harta tanah berada dalam keadaan tertekan disebabkan oleh penyusutan margin dan usaha yang sedang dijalankan untuk menjual stok yang sedia ada. Bagi tahun 2018, pemaju harta tanah terus mencatatkan prestasi yang kurang memberangsangkan. Kedudukan mudah tunai syarikat dalam sektor ini, seperti yang diukur oleh nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (*cash-to-short-term-debt ratio*, CASTD), adalah rendah iaitu di bawah 1 kali (0.7 kali) sejak tahun 2016. Walau bagaimanapun, keupayaan membayar balik hutang, seperti yang diukur oleh median nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ICR) kekal kukuh pada empat kali, iaitu selesa melebihi ambang kehematan sebanyak dua kali.
Risiko kepada kestabilan kewangan daripada perkembangan keadaan pasaran harta tanah kekal terkawal. Peralihan yang teratur dalam pasaran perumahan yang lebih mampan merupakan perkembangan yang sangat dialu-alukan bagi mengurangkan risiko jangka lebih panjang daripada hutang isi rumah yang tinggi dan pembetulan mendadak dalam pasaran perumahan. Dedahan bank kepada pemaju harta tanah yang mempunyai stok unit perumahan tidak terjual yang banyak

Rajah 1.11: Pasaran Harta Tanah – Pertumbuhan Tahunan Pembiayaan Akhir Mengikut Segmen

Pembiayaan akhir untuk pembelian harta kediaman dan bukan kediaman terus meningkat walaupun pada kadar perlahan



Rajah 1.12: Pasaran Harta Tanah – Peminjam dengan Tiga atau Lebih Pinjaman Perumahan dan Pelunasan Awal Pinjaman Perumahan

Kegiatan spekulasi dalam pasaran harta kediaman terus lembap



Rajah 1.13: Pasaran Harta Tanah – Kadar Kelulusan bagi Pinjaman Mengikut Tujuan

Pembeli rumah yang layak kekal mendapat akses kepada pembiayaan rumah. Bank-bank masih mengambil sikap berhati-hati berikutan lebihan bekalan di segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah



Rajah 1.14: Pasaran Harta Tanah – Nisbah Pinjaman Terjejas bagi Pembiayaan Akhir Mengikut Segmen

Kualiti aset kekal kukuh



Rajah 1.15: Pasaran Harta Tanah – Analisis Vintaj bagi Pinjaman Harta Kediaman dalam Sistem Perbankan

Rajah 1.16: Pasaran Harta Tanah – Analisis Vintaj bagi Pinjaman Harta Bukan Kediaman dalam Sistem Perbankan

Kadar mungkir vintaj bagi pinjaman harta kediaman dan bukan kediaman yang diluluskan pada tahun-tahun kebelakangan ini bertambah baik



Nota: Data termasuk pinjaman terjejas yang dihapus kira oleh bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

dianggarkan tidak melebihi 2% daripada jumlah dedahan kredit bank. Dedahan bank kepada segmen OSSC juga kekal kecil, mencakupi 3.4% daripada jumlah pinjaman bank terkumpul dan 6.5% daripada pemegangan bon dan sukuk korporat. Analisis sensitiviti yang dijalankan oleh Bank turut menunjukkan penampan modal bank masih mencukupi untuk menghadapi pembetulan harga yang menyeluruh (harga harta tanah menurun 50%) dalam pasaran harta tanah dalam negeri, termasuk kemungkinan berlakunya limpahan kepada sektor ekonomi lain yang bergantung pada prestasi sektor harta tanah. Risiko terhadap kestabilan kewangan akibat penurunan harga rumah yang berleluasa dikurangkan selanjutnya dengan sebahagian besar pinjaman harta kediaman diberikan kepada golongan pemilik-penghuni (*owner-occupiers*). Peminjam sedemikian mempunyai insentif yang kukuh untuk mengekalkan pembayaran balik pinjaman sekiranya berlaku tekanan kewangan atau nilai ekuiti negatif pada rumah mereka, berbanding dengan pembelian bagi tujuan pelaburan. Di samping itu, 72% daripada pinjaman perumahan terkumpul mempunyai nisbah pinjaman kepada nilai pada 80% dan ke bawah, sekali gus mengehadkan potensi kerugian kepada sistem perbankan.

Keupayaan Membayar Balik Hutang Sektor Perniagaan Secara Keseluruhan Kekal Kukuh Meskipun Hutang adalah Lebih Tinggi

Pada tahun 2018, hutang syarikat korporat bukan kewangan (*non-financial corporations*, NFC) meningkat dengan kadar tahunan sebanyak 6.5% kepada 103.7% daripada KDNK (Rajah 1.17), didorong oleh sektor pembinaan, perkilangan dan harta tanah. Aktiviti perniagaan terus disokong terutamanya oleh pembiayaan domestik, yang mencakupi 74% daripada jumlah hutang NFC.

Bon dan sukuk terkumpul[14] mencatatkan pengembangan yang kukuh, disokong oleh terbitan bon korporat yang lebih banyak oleh entiti perniagaan dalam sektor harta tanah, pembinaan dan utiliti. Sementara itu, pinjaman yang diberikan oleh bank dan IKP meningkat daripada pertumbuhan yang sangat rendah pada tahun 2017, dengan pertumbuhan pinjaman yang positif dan lebih kukuh dicatatkan merentas kebanyakan sektor perniagaan (4.6%; 2017: 1.3%). Pembiayaan kepada sektor borong dan runcit, dan perkilangan, yang mencakupi kira-kira

[14] Bon dan sukuk korporat tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, institusi kewangan dan bukan pemastautin.

Rajah 1.17: Sektor Perniagaan – Nisbah Hutang Syarikat Korporat Bukan Kewangan kepada KDNK

Hutang lebih tinggi didorong oleh terbitan bon dan sukuk baharu



Sumber: Bank Negara Malaysia

36% daripada pinjaman perniagaan bank, didorong terutamanya oleh aktiviti perniagaan yang lebih giat dalam tempoh pelepasan cukai selama tiga bulan. Selain sektor-sektor ini, bekalan kredit oleh bank turut menyokong aktiviti perniagaan, dengan akses kepada pembiayaan yang berterusan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) seperti yang dicerminkan oleh kadar kelulusan pinjaman yang stabil (rujuk Rencana dalam Bab 2 yang bertajuk 'Memahami Pembiayaan Melalui Kaca Mata PKS').

Kualiti keseluruhan peminjaman perniagaan adalah tinggi, meskipun prestasi kewangan merosot sedikit

Prestasi kewangan[15] sektor perniagaan merosot sedikit pada tahun 2018 (Rajah 1.18), dalam keadaan gangguan bekalan dalam sektor komoditi, nilai ringgit yang secara relatif lebih lemah dan ketidakpastian sejurus selepas PRU-14. Leveraj[16] keseluruhan perniagaan yang lebih tinggi sebahagian besarnya mencerminkan perolehan tertahan yang lebih rendah oleh syarikat perladangan, berikutan penurunan harga minyak sawit mentah. Dalam keadaan perniagaan yang lebih mencabar, prestasi perolehan yang semakin lemah dalam kebanyakan sektor mengakibatkan median ICR menjadi lebih rendah. Namun demikian, sektor perniagaan secara keseluruhan terus mengekalkan kedudukan pembayaran balik hutang dan mudah tunai yang baik, jauh melebihi ambang kehematan.[17]

[15] Berdasarkan data kewangan 120 syarikat yang tersenarai dalam Bursa Malaysia, mencakupi sektor ekonomi utama dan kira-kira 85% daripada permodalan pasaran (tidak termasuk institusi kewangan).
[16] Diukur menggunakan median nisbah hutang kepada ekuiti.
[17] Ambang kehematan bagi ICR dan CASTD masing-masing ialah dua kali dan satu kali.

Rajah 1.18: Sektor Perniagaan – Penunjuk Leveraj, Keupayaan Membayar Balik Hutang dan Mudah Tunai

Kedudukan kewangan yang kukuh terus menyokong keupayaan membayar balik hutang



Nota: Ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali

Sumber: Bloomberg dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1.19: Sektor Perniagaan – Pinjaman Terjejas Kasar

Kualiti keseluruhan pinjaman kekal kukuh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kualiti keseluruhan bagi peminjaman perniagaan daripada sistem perbankan kekal teguh, dengan nisbah pinjaman terjejas berada pada paras yang rendah dan stabil (Rajah 1.19). Pada tahun 2018, terdapat lebih banyak penurunan gred dalam bon korporat yang mempunyai penarafan domestik (2018: 8; 2017: 4), kebanyakannya mencerminkan perkembangan syarikat atau sektor tertentu. Walau bagaimanapun, dedahan ini mengundang risiko yang sedikit sahaja, mencakupi hanya 0.4% daripada jumlah bon/sukuk korporat yang dipegang oleh institusi kewangan. Syarikat dalam sektor berkaitan O&G, harta tanah[18] dan pembinaan kekal berhadapan dengan rintangan (Rajah 1.20). Meskipun pemberian kontrak kepada penyedia perkhidmatan O&G telah meningkat sejak tahun 2017, kesan positif daripada kontrak baharu terhadap perolehan mungkin hanya tercapai dalam jangka sederhana. Kebanyakan peserta O&G, terutamanya yang berada dalam segmen huluan, terus merasionalisasikan tahap hutang masing-masing, seperti yang dicerminkan oleh median nisbah leveraj yang lebih rendah sebanyak 39.9%. Keadaan ini dijangka meningkatkan keupayaan mereka untuk membayar balik hutang pada masa hadapan. Walaupun nisbah pinjaman terjejas bagi sektor berkaitan O&G kekal tinggi pada 10.2%, bank telah pun menyediakan peruntukan terhadap sebahagian besar kerugian dalam sektor ini.

Dalam sektor pembinaan, pembatalan atau penangguhan projek infrastruktur besar oleh Kerajaan hanya memberikan kesan langsung yang terhad kepada kualiti aset. Ini berikutan dedahan institusi kewangan yang rendah terhadap syarikat yang terlibat dalam projek sedemikian (3.6% daripada jumlah pinjaman terkumpul dan bon/sukuk yang dipegang oleh bank). Nisbah pinjaman terjejas bagi sektor

Rajah 1.20: Sektor Perniagaan – Penunjuk Mudah Tunai dan Keupayaan Membayar Balik Hutang bagi Sektor Terpilih

Keupayaan membayar balik hutang yang memuaskan bagi firma dalam sektor yang mempunyai prospek risiko kredit yang lebih lemah



Nota: Ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali

Sumber: Bloomberg dan anggaran Bank Negara Malaysia

[18] Bagi perkembangan dalam sektor harta tanah dan prestasi peserta harta tanah, sila rujuk penilaian risiko kredit terhadap sektor harta tanah.

pembinaan meningkat tetapi secara relatif kekal rendah pada 2.7%. Hal ini didorong terutamanya oleh syarikat dalam segmen kejuruteraan awam dan PKS yang terlibat dalam pembangunan harta bukan kediaman, yang telah terjejas akibat perbelanjaan awam yang lebih perlahan dan lebihan bekalan dalam segmen OSSC.

Pada tahun 2018, peminjaman luar negeri korporat meningkat pada kadar yang lebih pantas sedikit, didorong terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkilangan dan pembinaan. Peningkatan ini sebahagiannya turut disebabkan oleh kesan penilaian akibat nilai ringgit yang lebih lemah. Secara agregat, risiko kepada kestabilan kewangan domestik daripada peminjaman luar negeri dalam mata wang asing (*foreign currency*, FCY) terus terkawal disebabkan oleh beberapa faktor. Sebanyak 76% daripada hutang luar negeri korporat merupakan hutang jangka sederhana hingga jangka lebih panjang, sekali gus mengehadkan risiko pelanjutan (*rollover risk*). Tiga perempat daripada hutang luar negeri dalam FCY telah dilindung nilai daripada risiko mata wang, sama ada menerusi derivatif kewangan atau aliran hasil dalam FCY daripada operasi di luar negeri. Profil risiko peminjaman luar negeri korporat yang lebih rendah turut disebabkan oleh bahagian hutang (kira-kira separuh) yang diwakili oleh pinjaman antara syarikat (sebahagian besarnya oleh syarikat pemastautin yang merupakan sebahagian daripada syarikat multinasional) dan kemudahan kredit perdagangan yang disokong oleh perolehan eksport.

Berdasarkan analisis sensitiviti, potensi kerugian kredit daripada kejutan teruk ke atas syarikat Malaysia memberikan kesan yang terhad kepada bank

Berdasarkan analisis sensitiviti terhadap kumpulan peminjam NFC yang besar,[19] bank mampu menghadapi kemungkinan kerugian kredit akibat kejutan teruk.[20] Kemungkinan kerugian kredit kumulatif akibat dedahan kepada peminjam ini dianggarkan kira-kira satu pertiga lebihan penampan modal bank. Kumpulan peminjam ini mungkin menghadapi kekangan mudah tunai jangka pendek pascakejutan, tetapi dijangka terus berupaya untuk memenuhi obligasi hutang mereka daripada perolehan, dengan ICR pada 2.2 kali.

Pada tahun 2019, aktiviti perniagaan dijangka disokong oleh permintaan yang mampan serta pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga yang berterusan. Pertumbuhan pelaburan sektor swasta yang berterusan akan menyokong prestasi perniagaan selanjutnya. Walau bagaimanapun, beberapa risiko masih wujud akibat pertumbuhan global yang lebih perlahan, peningkatan ketegangan perdagangan antara AS dengan Republik Rakyat China (RR China) yang semakin meruncing dan volatiliti dalam harga minyak global yang boleh memberikan kesan buruk kepada pendapatan dan pelaburan dalam sektor swasta. Di dalam negeri, syarikat dalam sektor komoditi dijangka pulih daripada gangguan bekalan, manakala sektor perniagaan pada amnya terus membuat penyesuaian terhadap perubahan dalam keadaan operasi berikutan dasar terkini dan persaingan yang lebih sengit. Pada tahap leveraj dan pembayaran balik hutang semasa, keupayaan sektor perniagaan membayar hutang secara keseluruhan dijangka kekal kukuh, walaupun syarikat dalam sesetengah sektor mungkin lebih mudah terjejas akibat tekanan kewangan. Walau bagaimanapun, sebarang kesan terhadap sistem perbankan dijangka tidak ketara.

RISIKO PASARAN

Pasaran Kewangan Domestik Kekal Teratur Meskipun Volatiliti Berterusan

Pasaran kewangan domestik terus mengalami volatiliti pada tahun 2018 disebabkan oleh perkembangan domestik dan luaran. Sama seperti pasaran kewangan serantau yang lain, pasaran domestik mengalami aliran keluar pelaburan portfolio pada tahun 2018 berjumlah RM44 bilion. Walau bagaimanapun, keadaan pasaran yang kekal teratur terpelihara kerana pelabur institusi domestik mengambil peluang daripada penilaian yang menguntungkan. Tekanan pasaran, yang diukur menerusi Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (*Financial Market Stress Index*, FMSI), memuncak buat sementara waktu pada bulan Jun sejurus selepas PRU-14 tetapi telah menurun ke tahap rendah seperti yang dicatatkan pada tahun 2017 berikutan dasar yang lebih jelas susulan pembentangan Belanjawan 2019 oleh Kerajaan (Rajah 1.21). Namun begitu, pasaran ekuiti dan bon mengalami beberapa episod volatiliti yang lebih

[19] Kumpulan peminjam NFC yang besar merupakan syarikat yang mempunyai dedahan kredit agregat (termasuk pembiayaan langsung serta pemegangan bon dan sukuk korporat) melebihi RM1 bilion dengan institusi kewangan Malaysia. Pada tahun 2018, dedahan institusi kewangan kepada peminjam berkenaan adalah 41.5% daripada dedahan kepada sektor perniagaan.

[20] Ringgit menyusut nilai sehingga 30%, keuntungan operasi merosot 50%, serta kos peminjaman ringgit dan mata wang asing masing-masing meningkat sebanyak 50 dan 100 mata asas.

tinggi berikutan pergerakan yang mendadak harga minyak mentah dan pasaran ekuiti AS pada suku terakhir tahun 2018 walaupun bersifat sementara. Sentimen pelabur di rantau ini, termasuk Malaysia, juga dipengaruhi oleh ketidaktentuan dalam kadar pengembalian dasar monetari di AS ke paras yang wajar, ketegangan perdagangan yang semakin meruncing antara ekonomi utama dan risiko geopolitik yang semakin meningkat. Perkembangan luaran ini dijangka terus mempengaruhi sentimen pelabur pada tahun 2019.

Dedahan risiko pasaran institusi kewangan kekal terurus meskipun volatiliti dalam pasaran kewangan berterusan

Bank-bank

Portfolio perbendaharaan bank berkembang pada tahun 2018, disebabkan terutamanya oleh pemegangan bon kerajaan dan korporat yang lebih tinggi dalam akaun perbankan berikutan penjualan bon kerajaan yang menyeluruh oleh pelabur bukan pemastautin. Ini juga merupakan satu trend yang berlaku merentas pasaran serantau. Akibatnya, risiko kadar faedah dalam akaun perbankan meningkat kepada 4.5% daripada jumlah modal (2017: 3.5%). Saiz akaun perdagangan bank juga meningkat, walaupun secara relatif masih kecil (17.6% daripada jumlah sekuriti; 2017: 10.6%). Kedudukan terbuka bersih (*net open position*, NOP) pertukaran asing (*foreign exchange*, FX) bank menurun kepada 5.8% daripada jumlah modal (2017: 6.1%). Hal ini mencerminkan kedudukan lebih berhati-hati yang diambil oleh bank dalam keadaan pasaran yang tidak menentu pada tahun 2018. Sebahagian besar dedahan FX NOP disebabkan oleh dedahan kepada dolar AS. Sumbangan perolehan bersih dagangan dan pelaburan kepada keuntungan bank sebelum cukai sebahagian besarnya kekal tidak berubah pada 17.9% (2017: 17.3%). Pengurusan risiko dan perlindungan nilai secara aktif oleh bank terus membendung dedahan risiko pasaran pada tahap yang terurus, dan kekal pada tahap berhemat bagi nilai berisiko (*value-at-risk*) dan kerugian yang mampu ditampung oleh setiap bank.

Rajah 1.21: Pasaran Kewangan – Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)

Secara keseluruhan, tekanan pasaran meningkat sebelum menurun semula di sekitar paras terendah tahun 2017



Sumber: Bloomberg, Reuters dan anggaran Bank Negara Malaysia

Penanggung insurans dan pengendali takaful

Pemegangan aset kewangan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful juga berkembang pada tahun 2018 seiring dengan pertumbuhan dana insurans. Bagi penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga, sebahagian besar pemegangan pelaburan mereka kekal dalam bon korporat jangka sederhana hingga jangka panjang bagi memadankan struktur liabiliti mereka yang berjangka lebih panjang. Sebaliknya, penanggung insurans dan pengendali takaful am terus memegang sebahagian besar wang tunai dan deposit serta produk mudah tunai berstruktur disebabkan oleh struktur liabiliti mereka yang berjangka lebih pendek.

Pemegangan ekuiti merosot dari tahun 2017 berikutan penanggung insurans dan pengendali takaful mengurangkan pemegangan mereka dalam keadaan prestasi pasaran ekuiti yang lebih lemah pada separuh kedua tahun 2018. Seiring dengan itu, modal yang diperuntukkan untuk risiko ekuiti berkurang kepada 7.7% daripada jumlah modal yang tersedia pada akhir tahun 2018 (2017: 9.1%). Pelaburan dalam ekuiti terus terdiri terutamanya daripada saham-saham berprestasi tinggi dan berpelbagai merentas sektor ekonomi yang berbeza.

Caj modal bagi risiko kadar faedah yang ditanggung oleh penanggung insurans dan pengendali takaful kekal stabil pada 3% daripada jumlah modal tersedia. Secara keseluruhan, prestasi aktiviti dagangan penanggung insurans dan pengendali takaful adalah lebih lemah berbanding dengan

tahun lepas, dengan kerugian bersih daripada aktiviti dagangan dicatatkan sebanyak RM6.5 bilion. Ini didorong terutamanya oleh penilaian ekuiti yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, kesannya terhadap keuntungan keseluruhan industri kekal terurus.[21]

RISIKO MUDAH TUNAI DAN PENDANAAN

Bank-Bank Mengekalkan Aset Mudah Tunai yang Mencukupi untuk Menghadapi Tempoh Ketidakpastian

Mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem perbankan terus menyokong pengantaraan kewangan. Penampan mudah tunai bank untuk memenuhi kemungkinan keperluan mendesak sebahagian besarnya terus disokong oleh sumber pendanaan stabil yang terdiri daripada deposit dan peminjaman jangka panjang (Rajah 1.22). Hal ini ditunjukkan dalam nisbah pinjaman kepada dana (*loan-to-fund*, LTF) dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti (*loan-to-fund-and-equity*, LTFE) sistem perbankan yang terus masing-masing kekal pada tahap sekitar 80% dan 70% (Rajah 1.23). Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (*Liquidity Coverage Ratio*, LCR), yang mengukur jumlah aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets*, HQLA) yang dipegang oleh bank untuk memenuhi keperluan mudah tunai dalam senario tekanan selama tempoh 30 hari, juga semakin meningkat sejajar dengan peralihan sejak tahun 2015 ke arah pelaksanaan sepenuhnya keperluan mudah tunai yang kukuh. Lebihan mudah tunai ringgit sistem perbankan yang ditempatkan di Bank[22] meningkat pada separuh kedua tahun 2018 kepada RM171.8 bilion (Jun 2018: RM156.2 bilion; 2017: RM176.2 bilion) disebabkan oleh aliran keluar daripada pelabur bukan pemastautin yang telah berkurang. Pada tahap lebihan mudah tunai semasa, ujian tekanan Bank terus mengesahkan daya tahan sistem perbankan terhadap aliran keluar modal yang besar.

Aktiviti domestik bank sebahagian besarnya terus dibiayai oleh sumber pendanaan domestik, dengan deposit mencakupi bahagian terbesar (71%) daripada jumlah liabiliti pendanaan. Pertumbuhan deposit runcit dan korporat kekal kukuh dan terus mencakupi 70% daripada pendanaan deposit. Deposit daripada IKBB turut meningkat, mencerminkan pemegangan wang tunai yang lebih tinggi oleh institusi ini dalam keadaan ketidakpastian yang berterusan dalam pasaran kewangan global. Persaingan untuk deposit lebih terkawal sebagai tindak balas terhadap langkah penyeliaan untuk menangani amalan mengemas akaun (*window dressing*) pada akhir tahun. Hasilnya, keadaan pendanaan yang diukur oleh KLIBOR 3 bulan dan

Rajah 1.22: Sistem Perbankan – Komposisi Liabiliti Pendanaan Mengikut Instrumen

Deposit dan peminjaman jangka panjang mencakupi lebih 70% daripada jumlah lialibiliti pendanaan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.23: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai, Nisbah Pinjaman kepada Dana dan Nisbah Pinjaman kepada Dana dan Ekuiti

Bank-bank mengekalkan aset mudah tunai yang mencukupi



Sumber: Bank Negara Malaysia

[21] Sila rujuk bahagian 'Daya Tahan dan Prestasi Sektor Insurans dan Takaful' untuk butiran mengenai pemacu keberuntungan.
[22] Terdiri daripada penempatan deposit, repo berbalik dan rizab berkanun dengan Bank.

kos dana purata berwajaran pada amnya kekal stabil sejak kenaikan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) pada bulan Januari 2018.

Bank-bank kekal menguruskan ketidakpadanan tempoh matang dan mata wang dengan berhemat

Risiko pendanaan daripada aktiviti FCY bank (mewakili bahagian tidak melebihi 15% daripada jumlah kunci kira-kira sistem perbankan) juga kekal rendah (Gambar Rajah 1.2). Deposit dan dana jangka panjang mencakupi bahagian yang besar (60%) daripada jumlah pendanaan FCY. Bahagian hutang luar negeri yang dipegang oleh kumpulan perbankan domestik (*domestic banking groups*, DBG) dan bank asing yang diperbadankan di Malaysia (*locally-incorporated foreign banks*, LIFB) secara amnya kekal stabil dalam beberapa tahun ini (Rajah 1.24), dengan hampir tiada tanda kebergantungan yang berlebihan pada pendanaan luar dan mata wang bersilang dalam kalangan bank ini (rujuk 'Amalan Pengurusan Mudah Tunai FCY Bank-Bank'). Keperluan pendanaan FCY bagi LIFB pada amnya diuruskan melalui peminjaman dalam kumpulan (*intragroup borrowings*) daripada pihak yang berkaitan di luar negeri. Peminjaman ini lazimnya dipadankan dengan dedahan pembiayaan dari segi jumlah, mata wang dan tempoh. Sementara itu, DBG juga mengambil beberapa langkah awalan untuk

Amalan Pengurusan Mudah Tunai FCY Bank-Bank

Penerapan amalan pengurusan risiko mudah tunai yang kukuh telah membolehkan bank-bank Malaysia menghadapi keadaan mudah tunai FCY yang tidak menentu dalam tempoh kebelakangan ini.

Bank-bank semakin giat menyelaraskan rangka kerja pengurusan mudah tunai dan pengurusan prestasi mereka untuk menangani ketidakpadanan tempoh matang apabila mengurus dedahan FCY. Premium mudah tunai bertempoh yang diambil kira dalam penentuan harga pemindahan dana (*funds transfer pricing*) mencerminkan risiko apabila memperoleh dana sedemikian. Bagi kebanyakan bank, premium ini dimasukkan ke dalam pengukuran prestasi unit perniagaan melalui perolehan terlaras risiko bagi memastikan penggunaan dana FCY yang berhemat. Rangka kerja risiko dan insentif menggalakkan lagi profil risiko mudah tunai yang lebih baik, antara lain, melalui pemberian kadar yang lebih baik kepada pendeposit yang stabil berdasarkan rekod lalu.

Bank-bank juga giat memantau kestabilan dan kepelbagaian sumber pendanaan yang sedia ada untuk menjangkakan dan menguruskan volatiliti serta masa aliran keluar dengan lebih baik melalui penggunaan pelbagai metrik dan had risiko dalaman. Bahagian pendanaan FCY jangka sederhana hingga jangka panjang yang stabil, dan pendanaan yang kurang stabil dalam pasaran antara bank melalui swap mata wang dan peminjaman jangka pendek, dipantau pada pelbagai peringkat di bank. Had risiko ditetapkan dan dikuatkuasakan melalui pelaporan kepada dan pengawasan oleh fungsi kawalan pengurusan risiko bank untuk mengelakkan pergantungan yang keterlaluan pada pendanaan jangka pendek yang tidak menentu.

Bank-bank juga memantau dengan rapi aliran keluar kumulatif maksimum (*maximum cumulative outflows*, MCO) dalam pelbagai tempoh masa. Pemantauan ini adalah untuk mengekalkan had tempoh kemandirian (*survivability*) minimum antara 21 hingga 30 hari untuk memastikan bank dapat terus menghadapi aliran keluar berterusan dalam jangka masa yang ditetapkan. Di samping itu, LCR dipantau merentas pelbagai mata wang bagi melengkapi penunjuk mudah tunai yang lain. Bagi kebanyakan bank, kedudukan mudah tunai FCY keseluruhan, termasuk kedudukan operasi luar negeri, dikemukakan kepada Jawatankuasa Aset dan Liabiliti (*Asset and Liability Committee*, ALCO) untuk perbincangan sekurang-kurangnya pada setiap bulan, manakala had yang berkaitan dibincangkan dan diluluskan oleh lembaga pengarah.

Selain had risiko, bank menjalankan ujian tekanan secara berkala untuk membuat jangkaan aliran keluar masa depan yang timbul daripada kejutan khusus buat bank dan kejutan di seluruh pasaran. Kejutan ini termasuk (i) mengenakan anggaran pengeluaran (*run-off*) yang lebih konservatif bagi pendeposit besar; dan (ii) membuat simulasi sekiranya bank bukan permastautin tidak melanjutkan pendanaan borong. Hasil ujian tekanan kemudiannya digunakan sebagai input kepada pelan pendanaan kontingensi dan tindakan pengurusan awalan. Hal ini mungkin merangkumi tindakan untuk memperkukuh penampan mudah tunai FCY seperti yang dilihat pada separuh pertama tahun 2018.

Gambar Rajah 1.2: Hutang Luar Negeri Bank-Bank – Penggunaan dan Profil Risiko

Risiko daripada dedahan hutang luar negeri bank adalah rendah disebabkan ciri 'satu persatu' ('back-to-back')



Rajah 1.24: Hutang Luar Negeri Bank-Bank – Mengikut Jenis Bank

41% daripada hutang luar negeri bank disebabkan oleh bank asing yang beroperasi di LIBFC



Rajah 1.25: Hutang Luar Negeri Bank-Bank – Mengikut Jenis Dedahan dan Instrumen

47% daripada hutang luar negeri adalah berbentuk dedahan kepada entiti berkaitan dalam kumpulan yang kurang terdedah kepada kejutan pengeluaran secara tiba-tiba



Rajah 1.26: Hutang Luar Negeri Bank-Bank – Mengikut Instrumen

Pendanaan luar negeri kekal kecil relatif kepada jumlah pendanaan sistem perbankan



Rajah 1.27: Sistem Perbankan – Hutang Luar Negeri Berisiko dan Aset Mudah Tunai FCY

Bank-bank mengekalkan sejumlah besar aset mudah tunai FCY lebih dua kali daripada hutang luar negeri berisiko FCY



Rajah 1.28: Sistem Perbankan – Kedudukan Terbuka Bersih FX dan USD Sebagai Peratusan daripada Modal

Kedudukan terbuka bersih FX dan USD kekal rendah



Nota: 1. Hutang luar negeri bank dalam konteks ini merujuk kepada hutang luar negeri DBG, LIFB dan bank di LIBFC
2. Sistem perbankan atau bank dalam pesisir merujuk hanya kepada DBG dan LIFB

Sumber: Bank Negara Malaysia

membina penampan mudah tunai FCY tambahan sebagai langkah persiapan untuk menghadapi obligasi yang akan matang dan keadaan mudah tunai global yang lebih ketat (Rajah 1.25). Hal ini telah menyumbang kepada pertumbuhan dalam hutang luar negeri jangka pendek sistem perbankan pada separuh pertama tahun 2018, yang sejak itu telah mengalami trend yang menurun apabila peminjaman telah dibayar sepenuhnya pada tempoh matang berikutan keadaan pasaran yang bertambah baik. Secara keseluruhan, pendanaan luar negeri meliputi kurang 10% daripada jumlah liabiliti pendanaan sistem perbankan, dengan bukan pemastautin mencakupi hanya 6% daripada jumlah deposit sistem perbankan (Rajah 1.26).[23]

Hanya kira-kira satu perempat daripada hutang luar negeri FCY bank yang terdiri daripada 'hutang berisiko'.[24] Hutang ini mencakupi pendanaan kurang stabil[25] yang diperoleh daripada rakan niaga bukan pemastautin tidak berkaitan yang menyumbang tidak melebihi 3% daripada jumlah dana sistem perbankan. Pemegangan aset mudah tunai[26] FCY bank melebihi dua kali tahap hutang luar negeri berisiko, lantas meningkatkan lagi kapasiti mereka untuk mengurangkan kesan potensi kejutan pendanaan FCY (Rajah 1.27). Kedudukan terbuka bersih mata wang asing bank juga kekal rendah (Rajah 1.28).

RISIKO PENULARAN

Risiko Penularan daripada Institusi Kewangan Bukan Bank Masih Terkawal

Profil risiko institusi kewangan bukan bank[27] (IKBB) dan sifat kesalinghubungan institusi ini dengan sistem kewangan domestik secara keseluruhannya kekal tidak berubah (Rajah 1.29). Pada tahun 2018, sebuah IKBB telah diserap bawah pengawalseliaan Bank, berikutan penggabungannya dengan sebuah bank berlesen. Ini telah mengurangkan sedikit bahagian pembiayaan dan deposit isi rumah yang disumbangkan oleh aktiviti IKBB. Secara agregat, bahagian IKBB daripada jumlah aset sistem kewangan secara amnya kekal stabil, dengan dana persaraan dan industri pengurusan dana terus membentuk sebahagian besar jumlah aset IKBB (Rajah 1.30).

Pemegangan aset kewangan dan ekuiti dalam bank domestik yang ketara oleh IKBB terus menjadi saluran utama untuk pemindahan risiko kepada sistem kewangan. Kira-kira 40% dan 45% aset kewangan yang dipegang oleh beberapa IKBB yang besar, masing-masing adalah dalam bentuk bon dan ekuiti. Pelaburan IKBB dalam pasaran bon sebahagian besarnya adalah dalam sekuriti hutang kerajaan jangka panjang dan bon korporat berpenarafan tinggi.

Secara agregat, risiko daripada pelupusan aset kewangan yang cepat dan berskala besar oleh IKBB kekal rendah, disebabkan oleh tempoh pelaburan kebanyakan IKBB yang berjangka sederhana dan panjang serta pemegangan saham secara strategik dalam bank domestik. Beberapa IKBB besar juga telah mempelbagaikan portfolio pelaburan mereka secara berperingkat ke dalam pasaran dan mata wang asing. Hal ini telah menyokong keseluruhan keberuntungan IKBB sebagai satu kelompok. Dalam tempoh aliran keluar portfolio, IKBB kekal memainkan peranan penting untuk menyediakan mudah tunai dalam pasaran kewangan domestik melalui pembelian aset kewangan yang dijual oleh para pelabur portfolio bukan pemastautin.

IKBB memegang aset mudah tunai yang mencukupi untuk mengurus risiko mudah tunai

Risiko kepada kestabilan kewangan daripada aktiviti transformasi tempoh matang IKBB kekal terkawal. IKBB yang lebih bergantung pada pendanaan pasaran telah menunjukkan kecenderungan terhadap pendanaan jangka lebih panjang sejak beberapa tahun yang lalu, dengan purata baki tempoh matang untuk bon yang diterbitkan oleh IKBB sebanyak 6.7 tahun pada akhir tahun 2018. Oleh itu, risiko pendanaan dan pelanjutan kekal terkawal. Walau bagaimanapun, beberapa IKBB terus terdedah pada risiko pengeluaran yang lebih tinggi berikutan pemegangan liabiliti yang menyerupai deposit permintaan dalam jumlah yang agak besar. Entiti-entiti ini terus memegang aset mudah tunai yang mencukupi dalam bentuk wang tunai, penempatan deposit dan sekuriti kerajaan untuk menghadapi kejutan mudah tunai, termasuk pengeluaran berjumlah besar yang berterusan.

[23] Untuk maklumat lanjut mengenai hutang luar negeri bank-bank Malaysia, sila rujuk Rencana 'Daya Tahan Malaysia dalam Menguruskan Obligasi Hutang Luar Negeri dan Kecukupan Rizab Antarabangsa' dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2018.

[24] Merujuk bahagian hutang luar negeri bank yang lebih mudah terjejas kepada kejutan pengeluaran secara mendadak.

[25] Merujuk deposit, peminjaman antara bank dan pinjaman jangka pendek institusi kewangan.

[26] Terdiri daripada tunai dan setara tunai (*cash equivalent*), sekuriti hutang yang dipegang dan tiada halangan untuk menggunakannya dan penempatan antara bank.

[27] Merujuk IKBB yang tidak dikawal selia oleh Bank. Aktiviti IKBB meliputi pemberian kredit, pensekuritian, penciptaan kemudahan kredit dan pengurusan dana persaraan dan dana awam.

Rajah 1.29: Institusi Kewangan Bukan Bank – Kesalinghubungan dengan Sistem Kewangan

Tiada perubahan ketara pada saluran dan magnitud kesalinghubungan IKBB dengan sistem kewangan



a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan penyata kewangan yang diterbitkan

Rajah 1.30: Sistem Kewangan – Komposisi Aset

IKBB mencakupi kira-kira 40% daripada jumlah aset sistem kewangan



a Awalan

^Merujuk kepada Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) yang tidak dikawal selia oleh Bank di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP 2002)

* Merujuk kepada pemegang pajak gadai, pemberi pinjam wang, penyedia kredit dan pembiayaan sewa beli bukan bank, penyedia pembiayaan pendidikan bukan bank, penyedia kredit perumahan bukan bank, syarikat pemegang amanah milik Kerajaan, dan pertubuhan keselamatan sosial

**Merujuk sekuriti bersandarkan aset terkumpul dan saiz aset perbadanan gadai janji nasional

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan penyata kewangan yang diterbitkan

Langkah berterusan untuk menggalakkan ketelusan yang lebih tinggi dan mengukuhkan tadbir urus dan integriti IKBB akan mengurangkan lagi risiko kestabilan kewangan. Bank juga terus meningkatkan pengawasan terhadap risiko yang ditimbulkan oleh IKBB, disokong oleh data yang lebih baik yang diperoleh daripada IKBB serta perbincangan yang lebih kerap dengan IKBB yang lebih besar dan pengawal selia lain berhubung risiko baharu muncul.

DAYA TAHAN DAN PRESTASI SEKTOR PERBANKAN

Bank–Bank Terus Mengekalkan Tahap Permodalan yang Kukuh dalam Keadaan Keuntungan yang Berterusan dan Persekitaran Kualiti Aset yang Lebih Baik

Kedudukan modal bank kekal kukuh pada tahun 2018. "Impak Hari Pertama" (*Day One Impact*) daripada peruntukan dalam piawaian jejas nilai baharu Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (*Malaysian Financial Reporting Standards*, MFRS 9) yang lebih tinggi menghasilkan nisbah modal yang lebih rendah berbanding dengan paras pada tahun 2016 dan 2017. Walaupun begitu, bank terus mengekalkan lebihan penampan modal yang besar melebihi tahap keperluan minimum pengawalseliaan (Rajah 1.31). Sebahagian besar modal bank (kira-kira tiga perempat) dipegang dalam bentuk instrumen berkualiti tertinggi yang berupaya menampung kerugian, yang terdiri daripada modal berbayar, perolehan tertahan dan rizab.

Sistem perbankan terus mencatatkan keuntungan yang kukuh pada tahun 2018, disokong sebahagian besarnya oleh aktiviti pembiayaan dan peningkatan kecekapan yang berterusan (Rajah 1.32). Keuntungan sebelum cukai meningkat pada kadar yang lebih perlahan, menyumbang kepada penyusutan yang sedikit dalam pulangan tahunan atas aset dan ekuiti. Pertumbuhan keuntungan yang lebih perlahan ini disebabkan terutamanya oleh peruntukan yang lebih tinggi yang disediakan oleh bank berikutan pelaksanaan MFRS 9 dan pertambahan perbelanjaan faedah untuk deposit, selaras dengan kenaikan OPR pada bulan Januari. Walau bagaimanapun, kesan daripada peruntukan ini ditampung oleh rizab pengawalseliaan[28] yang perlu dikekalkan oleh bank sejak tahun 2010. Margin pembiayaan (setelah ditolak peruntukan jejas nilai dan kos operasi) meningkat sedikit, dengan sebahagian besar bank mencatatkan kos operasi yang lebih rendah. Pendapatan perdagangan dan pelaburan tahun tersebut juga lebih tinggi, disokong oleh keadaan pasaran kewangan yang menggalakkan pada awal tahun.

Rajah 1.31: Sistem Perbankan – Nisbah Modal

Bank-bank mengekalkan tahap permodalan yang kukuh



Nota: Lebihan jumlah modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan termasuk keperluan penampan pengekal modal tahun 2018 dan keperluan modal tambahan khusus buat bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

[28] Sebagai sebahagian daripada peraturan Bank, bank kini perlu mengekalkan, secara agregat, peruntukan untuk dedahan kredit yang berbayar dan tertunggak serta rizab pengawalseliaan yang tidak kurang daripada 1% daripada semua dedahan kredit, setelah ditolak peruntukan untuk kredit yang tidak berbayar.

Rajah 1.32: Sistem Perbankan – Keberuntungan

Keberuntungan perbankan kekal kukuh



Nota: Margin faedah bersih merupakan margin faedah/pembiayaan kasar bank ditolak peruntukan pinjaman terjejas dan kos operasi

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kualiti aset bank kekal kukuh dan pada peringkat agregat terus bertambah baik, dengan pinjaman terjejas kasar dan bersih menurun berbanding dengan tahun lalu dari segi nilai mutlak dan sebagai bahagian daripada jumlah pinjaman (Rajah 1.33). Walau bagaimanapun, penelitian yang lebih rapi terhadap pinjaman isi rumah menunjukkan bahawa beberapa segmen tertentu mempamerkan insiden pinjaman terjejas yang lebih tinggi. Khususnya, pinjaman terjejas bagi pembelian harta tanah bernilai lebih tinggi dan pinjaman peribadi baru-baru ini menunjukkan trend yang semakin meningkat. Pelaksanaan piawaian pembiayaan bertanggungjawab membantu memastikan pinjaman baharu yang diberi mulai tahun 2012 mempunyai kualiti yang kukuh seperti yang didedahkan oleh vintaj pemberian pinjaman yang lebih baik pada tahun-tahun kebelakangan ini. Bank-bank juga terus mengurus risiko kredit secara proaktif. Beberapa bank telah mempertingkat pemantauan dan penyusunan semula lebih awal akaun yang mempamerkan tanda kesukaran membayar balik hutang yang bersifat sementara. Bank-bank juga meningkatkan ketelitian ujian tekanan bagi dedahan kepada sektor yang lemah dan melakukan simulasi kesan peristiwa besar global atau pasaran pada kualiti aset, modal dan penampan mudah tunai bank. Di samping itu, nisbah perlindungan kerugian pinjaman bank juga terus diperkukuh melalui pelaksanaan MFRS 9 yang memerlukan bank berpandangan lebih jauh semasa menyediakan peruntukan.

Rajah 1.33: Sistem Perbankan – Kualiti Aset dan Perlindungan Kerugian Pinjaman

Kualiti aset perbankan semakin bertambah baik



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.34: Kumpulan Perbankan Domestik – Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama Operasi Luar Negeri

Prestasi kewangan operasi luar negeri terus kukuh



Nota: Merujuk kepada median julat penunjuk kekukuhan kewangan utama operasi luar negeri terpilih

Sumber: Bank Negara Malaysia

Operasi Luar Negeri Mengekalkan Kedudukan Kewangan yang Mantap

Operasi luar negeri[29] DBG terus berkembang dalam keadaan pertumbuhan ekonomi serantau yang mampan. Keberuntungan daripada operasi luar negeri meningkat, disokong oleh penambahbaikan yang berterusan dalam kualiti aset, kecekapan operasi yang meningkat dan sumbangan pendapatan yang lebih tinggi daripada aktiviti bukan pembiayaan seperti pengurusan harta kekayaan dan bankasurans. Subsidiari utama luar negeri bank juga terus mengekalkan kedudukan modal yang kukuh. Kualiti aset operasi luar negeri secara keseluruhan bertambah baik merentas semua pasaran, sejajar dengan pengawasan kumpulan yang lebih kukuh oleh bank induk di Malaysia (Rajah 1.34).

Operasi luar negeri DBG kekal dibiayai sebahagian besarnya dalam bentuk deposit mata wang tempatan (66%[30] daripada jumlah pendanaan), sekaligus mengurangkan risiko yang berkaitan dengan pendanaan merentas sempadan dan ketidakpadanan mata wang. Pergantungan yang rendah pada pasaran borong atau pendanaan bank induk juga terus melindungi DBG daripada volatiliti pasaran dan kejutan mudah tunai yang mampu menjejaskan operasi luar negeri. Nisbah LCR subsidiari luar negeri utama terus jauh melebihi 100%.

Perkembangan operasi luar negeri DBG kekal dipantau oleh Bank sebagai sebahagian daripada rangka kerja penyeliaan bersepadunya. Pihak Bank juga kerap berbincang dengan pengawal selia negara tuan rumah melalui forum penyeliaan dan mesyuarat dua hala yang terus diadakan sepanjang tahun. Perbincangan seperti ini terus penting dalam perkongsian maklumat dan pengenalpastian risiko baru muncul, yang tepat pada masanya, di samping penyelarasan langkah tindak balas penyeliaan apabila perlu.

DAYA TAHAN DAN PRESTASI SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL

Sektor Insurans dan Takaful Kekal Berdaya Tahan dengan Tahap Permodalan yang Kukuh Meskipun Tahap Keberuntungan Lebih Rendah

Sektor insurans dan takaful kekal berdaya tahan pada tahun 2018. Nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*, CAR) agregat berada pada paras 245%, jauh melebihi keperluan

[29] Merujuk pejabat DBG luar negeri (cawangan dan subsidiari) yang beroperasi di luar Malaysia dan Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan.

[30] Mencerminkan median bahagian deposit pelanggan meliputi seluruh operasi luar negeri.

pengawalseliaan minimum (Rajah 1.35). Risiko insurans dan takaful[31] yang mencakupi separuh daripada jumlah modal yang diperlukan, sebahagian besarnya kekal stabil selaras dengan campuran perniagaan keseluruhan yang pada amnya tidak berubah. Dedahan risiko pasaran berkurang ekoran penilaian ekuiti yang lebih rendah dalam keadaan prestasi pasaran ekuiti domestik yang lebih lemah. Penanggung insurans dan pengendali takaful juga telah menjual ekuiti sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan risiko dan ini telah memberi kesan kepada paras keberuntungan. Dedahan risiko kredit secara relatif kekal stabil, dengan lebih 90% bon korporat yang dipegang mempunyai penarafan sekurang-kurangnya AA- atau dijamin oleh Kerajaan. Risiko rakan niaga daripada pengaturan insurans semula, termasuk dedahan insurans semula luar, kekal terhad berikutan penarafan kredit penanggung insurans semula yang mampan.

Sektor insurans dan takaful mencatatkan keberuntungan yang lebih rendah pada tahun 2018. Hal ini sebahagian besarnya disebabkan oleh perniagaan insurans hayat dan keluarga (Rajah 1.36) yang mengalami kerugian pelaburan tidak direalisasi daripada pemegangan bon dan ekuiti. Kadar hasil pelaburan[32] juga jauh lebih rendah pada kadar 2% (2017: 8.3%). Meskipun hasil pelaburan lebih rendah, keberuntungan terus disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam jumlah premium bersih, khususnya daripada polisi yang sedia ada, dan perbelanjaan keseluruhan yang lebih rendah, di samping peningkatan yang lebih perlahan dalam manfaat polisi bersih yang dibayar.

Perniagaan baharu penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga meningkat pada kadar yang lebih perlahan berikutan jualan polisi berkaitan pelaburan baharu yang terjejas. Hal ini disebabkan oleh penurunan kesanggupan pengguna untuk mengambil dalam keadaan prestasi pasaran kewangan yang lebih lemah (Rajah 1.37). Sebaliknya, perniagaan baharu bagi polisi tradisional mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi,

Rajah 1.35: Sektor Insurans dan Takaful – Nisbah Kecukupan Modal

Nisbah kecukupan modal agregat kekal jauh melebihi tahap pengawalseliaan minimum iaitu pada 130%



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.36: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Pendapatan dan Perbelanjaan

Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan yang lebih rendah didorong oleh kerugian keuntungan tidak direalisasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.37: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Pertumbuhan Premium Perniagaan Baharu dan Komposisi Produk

Perniagaan baharu kekal berkembang walaupun pada kadar yang lebih perlahan



Sumber: Bank Negara Malaysia

[31] Merujuk kepada risiko membuat anggaran yang kurang daripada sepatutnya terhadap liabiliti insurans dan takaful, pengalaman tuntutan yang buruk, perbelanjaan serta polisi yang luput.

[32] Jumlah dividen, kupon yang diterima, keuntungan direalisasi dan keuntungan belum direalisasi sebagai peratusan daripada jumlah pelaburan.

didorong terutamanya oleh perniagaan berkaitan gadai janji ekoran permintaan yang berterusan terhadap gadai janji harta kediaman.

Penanggung insurans dan pengendali takaful mencatatkan tahap keberuntungan yang lebih rendah dalam keadaan prestasi pasaran kewangan yang lebih lemah

Keuntungan operasi penanggung insurans dan pengendali takaful am meningkat, disokong oleh keuntungan pengunderaitan yang lebih tinggi (Rajah 1.38). Hal ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan premium motor yang lebih tinggi sejajar dengan jualan kenderaan bermotor yang meningkat semasa tempoh pelepasan cukai. Sumbangan segmen motor kepada tahap keberuntungan keseluruhan juga meningkat berikutan usaha menyelaraskan premium dengan risiko daripada polisi motor 'Komprehensif' dan 'Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian'[33] dengan lebih baik. Tahap keberuntungan disokong selanjutnya oleh pelepasan rizab dalam segmen kebakaran disebabkan oleh pengalaman tuntutan yang lebih baik.

Rajah 1.38: Sektor Insurans dan Takaful Am – Komposisi Keuntungan Operasi

Keuntungan operasi yang lebih tinggi disokong oleh keuntungan pengunderaitan yang bertambah baik



Sumber: Bank Negara Malaysia

[33] Liberalisasi tarif motor bagi kedua-dua segmen motor ini bermula pada 1 Julai 2017 sebagai sebahagian daripada Fasa II pembaharuan penentuan harga keseluruhan.

Rajah 1.39: Sektor Insurans dan Takaful Am – Pertumbuhan Premium Langsung Kasar dan Komposisi Produk

Premium langsung kasar berkembang pada kadar yang lebih tinggi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Premium langsung kasar meningkat pada kadar yang lebih kukuh (Rajah 1.39). Selain perniagaan motor, segmen kebakaran serta perubatan dan kesihatan juga mencatatkan pertumbuhan premium yang lebih tinggi, sejajar dengan kos perubatan yang terus meningkat dan permintaan yang berterusan terhadap polisi perubatan berkelompok. Segmen marin, penerbangan dan transit terus menguncup disebabkan oleh permintaan terhadap insurans berkaitan minyak luar pesisir yang lemah. Walau bagaimanapun, penguncupan ini yang mungkin disebabkan oleh pemulihan sektor O&G yang perlahan, memberi kesan yang terhad ke atas sektor am, memandangkan bahagiannya yang kecil (6%) daripada jumlah premium langsung kasar.

UJIAN TEKANAN KESOLVENAN BERBILANG TAHUN UNTUK BANK-BANK DAN PENANGGUNG INSURANS

Ujian tekanan kesolvenan berbilang tahun terkini yang dijalankan oleh Bank terus mengesahkan daya tahan bank-bank dan penanggung insurans di bawah simulasi senario tekanan makroekonomi dan kewangan yang teruk (rujuk 'Senario Ujian Tekanan Kesolvenan, Andaian Utama dan Parameter Kejutan'). Bank-bank berada dalam kedudukan yang baik untuk menyerap potensi kerugian menggunakan penampan modal dan pendapatan sedia ada, dengan nisbah modal sistem perbankan selepas ujian tekanan kekal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum (Rajah 1.40).

Sebahagian besar (bahagian melebihi 90%) kerugian[34] sistem perbankan didorong oleh risiko kredit bawah kedua-dua senario yang buruk. Dalam keadaan makroekonomi yang teruk yang diandaikan dalam senario yang buruk, pinjaman terjejas dijangka meningkat dengan ketara sepanjang tempoh ujian tekanan. Nisbah jejas nilai kasar meningkat kepada 8.6% (Rajah 1.41), setara dengan pengalaman paling buruk yang dialami oleh industri pada dekad ini. Di bawah Senario Buruk 2, 56% daripada jumlah kerugian adalah disebabkan oleh dedahan kredit bank kepada perniagaan (Rajah 1.42). Keadaan ini didorong terutamanya oleh peminjam NFC terpilih yang besar yang mempunyai kedudukan kewangan yang lemah sebelum kejutan atau peminjam dalam sektor yang telah dikenal pasti mempunyai prospek risiko kredit yang lebih lemah. Baki kerugian daripada sektor perniagaan sebahagian besarnya disebabkan oleh dedahan yang lebih kecil dalam sektor pembinaan dan berkaitan harta tanah. Dedahan isi rumah menyumbang 35% daripada jumlah kerugian, terutamanya daripada pinjaman kenderaan bermotor yang mencakupi 48% daripada jumlah kerugian daripada pemberian pinjaman isi rumah. Lebih satu pertiga daripada kerugian ini dikaitkan dengan peminjam yang berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan. Kerugian kredit daripada pinjaman perumahan mencakupi kira-kira satu perempat daripada jumlah kerugian isi rumah. Kesan yang kecil dapat dilihat daripada kejutan risiko pasaran dan pendanaan luar. Kesan risiko penularan yang timbul daripada dedahan antara bank, iaitu satu penambahbaikan yang diperkenalkan dalam ujian tahun ini, juga dinilai sebagai terhad pada 6.3% daripada jumlah kerugian (untuk maklumat lanjut, rujuk 'Menilai Risiko Penularan dalam Sistem Perbankan Domestik'). Kerugian daripada risiko penularan dianggarkan lebih rendah sekiranya dedahan rakan niaga dalam kumpulan dikecualikan.

Pada peringkat institusi, tujuh buah bank berada di bawah keperluan modal pengawalseliaan minimum. Bank-bank ini terjejas akibat penampan pendapatan yang secara relatif lebih kecil, dan lebih banyak dedahan yang tertumpu kepada peminjam besar terpilih. Walau bagaimanapun, bank ini secara kolektif hanya mencakupi 9.7% daripada jumlah aset sistem perbankan.

Institusi kewangan kekal berdaya tahan dalam senario tekanan teruk yang disimulasikan

Sektor insurans juga dijangka kekal berdaya tahan di bawah keadaan tertekan dengan CAR agregat bagi sektor insurans hayat dan am kekal melebihi paras pengawalseliaan minimum sepanjang tempoh ujian tekanan (Rajah 1.43).

Berbanding dengan ujian yang dijalankan pada separuh tahun pertama 2018, kejutan risiko kredit telah disemak semula untuk mencerminkan kemungkinan kebarangkalian mungkir yang berbeza mengikut sektor ekonomi dan kerugian daripada pemegangan bon yang diterbitkan oleh korporat besar yang lemah dari segi kewangan, selaras dengan parameter yang digunakan untuk ujian tekanan bank. Di samping itu, kerugian yang timbul akibat dedahan terhadap bank yang gagal ujian tekanan bawah senario yang buruk juga diambil kira. Dengan penambahbaikan ini, kesan daripada risiko kredit mencakupi komponen terbesar bagi jumlah kerugian penanggung insurans hayat dan am dalam senario tekanan ekonomi yang diandaikan, dengan masing-masing mencakupi sehingga 58% dan 82% daripada jumlah kerugian. Bagi penanggung insurans hayat, kerugian penilaian yang disebabkan oleh keadaan pasaran kewangan yang buruk akan memberikan kesan yang ketara kepada tahap modal (sehingga 42% daripada jumlah kerugian). Bagi penanggung insurans am, penyumbang kedua terbesar kepada jumlah kerugian adalah disebabkan oleh kejutan yang berkaitan dengan tuntutan yang lebih tinggi (Gambar Rajah 1.4).

[34] Ujian ini menggunakan pendekatan konservatif untuk dedahan ini, dan tidak mengambil kira faktor pengurangan risiko seperti jaminan yang mampu mengurangkan potensi kerugian yang dihadapi oleh bank.

Senario Ujian Tekanan Kesolvenan, Andaian Utama dan Parameter Kejutan

Ujian tekanan menggunakan satu siri peristiwa risiko hujung (*tail-risk event*) di bawah tiga senario (satu senario dasar dan dua senario buruk), yang mengandaikan hala tuju pertumbuhan KDNK yang berbeza untuk Malaysia dalam tempoh empat tahun (2019-2022). Ujian ini tidak mengambil kira (i) mana-mana campur tangan dasar yang dirangka oleh pihak berkuasa dan (ii) tindakan pengurusan oleh institusi supaya Bank dapat menilai keupayaan segera bank dan penanggung insurans bagi menghadapi kejutan yang teruk tanpa campur tangan atau bantuan tambahan.

Jadual 1.2

Ujian Tekanan Kesolvenan: Andaian dan Parameter Kejutan Utama yang Digunakan bawah Senario Buruk yang Diandaikan

Andaian utama	SB1 – kemelesetan berbentuk 'V'	SB2 – kemelesetan berpanjangan berbentuk 'L'
Unjuran kunci kira-kira dan pendapatan		
o Penurunan pertumbuhan pinjaman (kadar pertumbuhan tahunan terkompaun)	o 3%	o 6%
o Penurunan tahunan pertumbuhan pendapatan bank, dibezakan mengikut segmen (pendapatan faedah, pendapatan berasaskan fi dan pendapatan lain)	o Sehingga 21%	o Sehingga 17%
o Penurunan tahunan pendapatan premium penanggung insurans	o Sehingga 30%	o Sehingga 28%
Kejutan risiko kredit		
o Kejutan kebarangkalian mungkir (*Probability of default*, PD)		
• Pinjaman perniagaan	• 5% hingga 10%	• 5% hingga 12%
• Pinjaman isi rumah	• 1% hingga 11%	• 2% hingga 13%
o Kejutan kerugian akibat mungkir (*Loss given default*, LGD)		
• Pinjaman perniagaan	• 44% hingga 56%	• 44% hingga 61%
• Pinjaman isi rumah	• 18% hingga 76%	• 19% hingga 76%
o Kemungkiran peminjam NFC dengan pinjaman yang besar daripada sistem kewangan	o Syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang lemah (di bawah ambang kehematan) dalam simulasi kejutan	
Kejutan risiko pasaran		
o Peningkatan tahunan kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)	o Sehingga 56 mata asas	o Sehingga 62 mata asas
o Peningkatan tahunan kadar hasil bon korporat	o Sehingga 72 mata asas	o Sehingga 71 mata asas
o Penurunan tahunan FBM KLCI	o Sehingga 34%	o Sehingga 23%
o Penyusutan tahunan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama	o 13% hingga 30%	o 6% hingga 15%
Kejutan risiko pendanaan luar		
o Kebalikan (*reversal*) tuntutan oleh bukan pemastautin	o Sehingga 30% daripada peminjaman dan deposit antara bank	o Sehingga 15% daripada peminjaman dan deposit antara bank
Kejutan risiko pendanaan luar		
o Peningkatan dalam nisbah tuntutan	o Sehingga 30%	o Sehingga 16%
Kejutan risiko penularan		
o Antara bank	o Kemerosotan kesolvenan bank rakan niaga	
o Bank kepada penanggung insurans	o Kemerosotan nilai bon yang diterbitkan oleh bank-bank yang gagal ujian tekanan bawah senario buruk	

Sumber: Bank Negara Malaysia

Senario buruk pertama (SB1) melibatkan landasan pertumbuhan berbentuk 'V' dengan magnitud kemelesetan bersamaan dengan 2.5 sisihan piawaian bagi kadar pertumbuhan KDNK jangka panjang daripada senario dasar. Senario ini mengandaikan ketegangan perdagangan yang meningkat sehingga mencetuskan perang perdagangan pelbagai hala, kelembapan ekonomi yang ketara di AS dan RR China berikutan keadaan kredit yang lebih ketat dan volatiliti pasaran kewangan yang meningkat disebabkan oleh Brexit yang tidak teratur dan ketidakpastian dalam dasar Kesatuan Eropah. Pertumbuhan serantau diandaikan semakin lemah dalam keadaan permintaan luaran yang lembap. Berlatarkan persekitaran ini, Malaysia diandaikan mengalami kemelesetan yang ketara pada tahun 2019, diikuti oleh pemulihan yang kukuh dalam pertumbuhan ekonomi sebelum kembali ke trajektori pertumbuhan dasar. Senario buruk kedua (SB2) membuat simulasi laluan pertumbuhan ekonomi berbentuk 'L' dengan penurunan secara kumulatif pada akhir tempoh ujian tekanan diselaraskan sebanyak enam sisihan piawaian daripada senario dasar. Senario ini mengandaikan bahawa

kelembapan berlaku secara serentak di AS dan RR China, digabungkan dengan ketegangan perdagangan yang berlarutan dan aliran keluar modal yang berterusan dalam keadaan tekanan kewangan dalam EMEs telah mencetuskan penurunan pertumbuhan yang sederhana pada peringkat awal, diikuti oleh pemulihan yang perlahan dan lemah.

Menilai Risiko Penularan dalam Sistem Perbankan Domestik

Apabila kesalinghubungan operasi bank menjadi semakin kukuh, sebarang kesukaran atau kemungkiran yang dihadapi oleh sesebuah bank boleh menyebabkan kesan limpahan yang lebih luas dan meningkatkan kemungkinan bank lain untuk menghadapi kesukaran. Untuk menilai potensi kesan penularan seperti itu dalam sistem perbankan domestik, satu modul simulasi rangkaian telah dimasukkan ke dalam ujian tekanan kesolvenan makro Bank. Modul ini dibangunkan berdasarkan algoritma DebtRank yang pertama kali diperkenalkan dalam satu kajian terhadap sekumpulan institusi kewangan global yang menerima bantuan mudah tunai kecemasan daripada Federal Reserve AS antara tahun 2008 hingga 2010 dan disesuaikan dengan dedahan pinjaman domestik antara bank bagi bank di Malaysia.

Gambar Rajah 1.3: Ilustrasi Risiko Penularan dalam Pasaran Antara Bank Domestik



1. Kerugian awal yang ditanggung oleh bank

- Bank menanggung kerugian langsung daripada kejutan risiko kredit, pasaran dan pendanaan luar di bawah setiap senario buruk yang menyebabkan kesukaran kepada bank.
- Keupayaan bank yang bermasalah untuk membayar balik pihak lain dalam pasaran antara bank domestik kemudiannya dianggap menurun apabila kebolehpercayaan kreditnya merosot.

2. Kerugian tambahan disebabkan oleh penularan

- Bank-bank yang memberikan pinjaman kepada bank yang bermasalah akan memasukkan maklumat tentang penurunan kebolehpercayaan kredit bank yang bermasalah ke dalam penilaian dedahan pemberian pinjaman antara bank, dengan itu menanggung kerugian.
- Kerugian yang ditanggung oleh bank pemiutang dianggarkan setara dengan kerugian modal secara relatif yang ditanggung oleh bank penghutang. Sebagai contoh, jika bank penghutang menanggung kerugian modal sebanyak x%, bank pemiutang diandaikan menanggung secara relatif kerugian yang sama sebanyak x% daripada dedahan pemberian pinjaman antara bank mereka kepada bank penghutang.

Rujukan

Battiston, S., Puliga, M., Kaushik, R. Tasca, P. and Caldarelli, G. (2012): ' DebtRank: Too Central to Fail? ' Financial Networks, the FED and Systemic Risk. Scientific Reports, 2(1).

Bardoscia, M., Barucca, P., Codd, A. and Hill, J. (2017): ' The Decline of Solvency Contagion Risk ', Staff Working Paper No. 662. Available at: https://www.bankofengland.co.uk/-/media/boe/files/working-paper/2017/the-decline-of-solvency-contagion-risk.

Simulasi Peristiwa Wabak Penyakit dan Banjir Teruk terhadap Industri Insurans dan Takaful

Bagi penanggung insurans dan pengendali takaful, ujian tekanan makro yang dijalankan turut ditambah dengan ujian tekanan seluruh industri untuk menilai daya tahan industri insurans dan takaful untuk tempoh satu tahun terhadap peristiwa risiko insurans yang teruk tetapi munasabah, iaitu wabak penyakit dan banjir yang teruk. Pada tahun ini, senario wabak penyakit telah diperhalusi untuk mencerminkan peristiwa wabak penyakit jenis influenza yang lebih teruk dengan kesan limpahan kepada pasaran kewangan. Kesan senario banjir pula dibuat untuk mengambil kira lokasi geografi yang mempunyai dedahan kewangan yang ketara terhadap risiko banjir. Keputusan ujian tekanan seluruh industri ini juga mengesahkan daya tahan keseluruhan industri terhadap senario yang diberikan. Selepas ujian tekanan, nisbah kecukupan modal agregat bagi sektor hayat dan keluarga serta sektor am kekal melebihi tahap pengawalseliaan minimum sebanyak 130%.

Rajah 1.40: Sistem Perbankan – Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 Selepas Kejutan

Nisbah modal selepas kejutan adalah jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum



Rajah 1.41: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar

Kualiti aset dijangka merosot sepanjang tempoh ujian tekanan



Rajah 1.42: Sistem Perbankan – Punca Kerugian dalam Senario Buruk 2

Kerugian risiko kredit terdiri daripada kira-kira 90% daripada jumlah kerugian

(% daripada jumlah kerugian)



Rajah 1.43: Sektor Insurans – Nisbah Kecukupan Modal Selepas Kejutan

Nisbah kecukupan modal selepas ujian tekanan kekal melebihi paras minimum pengawalseliaan



Gambar Rajah 1.4: Sektor Insurans – Punca Utama Kerugian bawah Senario Buruk



Sumber: Bank Negara Malaysia